

BANTU WANITA MANGSA PENIPUAN

KETUA Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKMD), Datuk Munirah Abdullah Bajauuddin, menasihati wanita yang menjadi mangsa penipuan cinta alam maya agar tidak berdiam diri dan hidup dalam kemurungan.



Munirah Abdullah Bajauuddin

Menurutnya, wanita-wanita tersebut perlu tampil ke hadapan dan bersemuka dengan pihak-pihak yang boleh dipercayai untuk mengembalikan semula keyakinan diri mereka.

Ramat wanita yang menjadi mangsa penipuan cinta alam maya ini memilih untuk berdiam diri dan menjauhi masyarakat kerana malu dengan kejadian yang menimpa diri. Penipuan yang dialami membuatkan mereka berasa rendah diri dan sering menyalahkan diri sendiri sehingga putus asa untuk hidup. Mereka juga bimbang ditertawakan oleh masyarakat kerana sedar apa yang berlaku berpunca daripada kebodohan dan kelemahan diri sendiri.

"Perkara ini tidak seharusnya berlaku. Jangan musnahkan kehidupan sendiri hanya kerana satu kesilapan. Walaupun apa yang berlaku adalah sesuatu yang menyakitkan, bangkitlah kerana hidup perlu diteruskan. Mereka masih boleh hidup seperti sediakala meskipun mengalami kekecewaan."

Menyedari keadaan itu, KPWKMD telah menyediakan kemudahan perkhidmatan Talian Kasih 15999 bagi membantu wanita-wanita ini. Sebelum ini talian tersebut dikenali sebagai Talian Nur dan telah diperkenalkan oleh Kementerian sejak 5 Disember 2007. Talian ini beroperasi selama 24 jam sehari bagi membolehkan masyarakat terutama kaum wanita untuk membuat aduan tentang sebarang masalah yang dihadapi termasuklah masalah penipuan cinta alam maya ini.

Selain itu, JPW selaku agensi KPWKMD turut mengadakan pelbagai program bagi membantu wanita bermasalah sekali gus memajukan kebajikan dan kesejahteraan kaum wanita terus terbelak. Program-program ini meliputi pencegahan, advokasi dan pemerkasaan wanita. Antaranya, Wanita Anti Jenayah (WAJAJ), Seminar Menangani Keganasan Terhadap Wanita, Program Kesejahteraan Emosi, Seminar Kepekaan Gender dan Literasi Undang-undang (LUU)," katanya sambil menyatakan bahawa

mangsa juga boleh menghubungi talian perkhidmatan Malaysia Control Centre (MCC) Polis Diraja Malaysia iaitu (03-2031) 9000 untuk mengadu mengenai jenayah yang menimpa diri mereka.

Berbicara secara lebih mendalam mengenai jenayah penipuan cinta alam maya, Munirah, menjelaskan kebanyakan mangsa terdiri daripada wanita berumur yang tidak mempunyai suami atau pasangan. Sedangkan pelakunya pula terdiri daripada warga asing dari Afrika atau Timur Tengah yang kebanyakannya telah dilatih untuk menipu dan didalangi sindiket.

"Wanita berumur tanpa suami atau pasangan lebih mudah menjadi mangsa penipuan kerana mereka senang terpedaya dengan janji-janji manis yang diberi. Kesunyian dan perasaan ingin berpasangan membuatkan mereka mudah percaya dengan kata-kata manis terutama jika dijanjikan dengan ikatan perkahwinan.

Lazimnya, penjenayah akan memerhati wanita yang menjadi sasaran mereka dengan teliti. Sasaran kebanyakannya terdiri daripada wanita berpendidikan dan berjawatan tinggi yang didekati berdasarkan sikap wanita tersebut seperti suka menyendiri, terdesak untuk berkahwin dan terlalu suka bercerita tentang kisah peribadi sehingga penjenayah mampu memerangkainya dengan memanipulasikan kata-katanya sendiri.

"Selepas itu, mereka akan berusaha untuk mendekati mangsa menerusi laman sosial seperti Facebook dengan menggunakan identiti dan gambar palsu. Mereka akan berusaha mendekati mangsa dengan pelbagai cara termasuklah janji untuk berkahwin.

"Setelah mendapat sepenuh kepercayaan daripada mangsa, mereka akan mulakan langkah untuk menipu wang mangsa. Misalnya, mereka akan meminta sejumlah wang yang besar amauinya ke dalam akaun palsu (milik orang lain). Alasannya wang tersebut adalah untuk memulakan sebuah perniagaan, dengan janji manis sebagai bekalan hidup setelah berkahwin. Apabila wang dimasukkan ke dalam akaun yang diminta, penjenayah akan terus menghilangkan diri dan meninggalkan mangsa dalam keadaan terlekan dan murung," katanya yang menasihati wanita agar menggunakan logik akal sewaktu berkenalan dengan lelaki dan tidak mengemas kini status di laman sosial dengan kerap bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan cinta alam maya ini."

FASA 1

- Sindiket memasang perangkap di media sosial.
- Memuat naik gambar untuk tujuan memikat mangsa.
- Berkemuncakan dengan mangsa menggunakan skrip yang disediakan sindiket. Skrip skrip memiliki tahap yang berbeza.
- Mula menghantar barangan berharga dan mengaitkan barangan itu telah diarahkan di pintu masuk negara.

FASA 3

- Wanita tempatan mula melakukan mangsa dengan menyatukan barangan berharga atau wang tunai tersebut sememangnya ada dalam buketkasim.
- Wanita tempatan memberikan nombor akaun bank kepada mangsa untuk dimasukkan wang.

FASA 2

- Wanita tempatan (teman wanita suspek) memainkan peranan.
- Menghubungi mangsa dengan menyamar atau kustom.
- Mendakwa barangan ada bersama penjawat kuasa dan bayaran perlepasan diperlukan segera.

3 FASA PENIPUAN CINTA ALAM MAYA